

NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK JUMAT HAJI IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Datuk Jumat Haji Idris [SEPANGGAR] meminta PERDANA MENTERI menyatakan adakah peruntukan RM1.0 bilion yang diberi kepada Sabah oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi telah mencapai matlamatnya dan berapa projek mesra rakyat telah dibangunkan dengan peruntukan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan pada tahun 2008 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM1.0 bilion kepada negeri Sabah bagi membiayai pelaksanaan pelbagai projek pembangunan dan peningkatan infrastruktur asas di negeri Sabah. Peruntukan ini merupakan peruntukan di bawah projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9).

Sebanyak 3,796 projek telah dilaksanakan di bawah peruntukan ini yang kesemuanya adalah untuk manfaat dan kesejahteraan rakyat negeri Sabah. Antara projek yang dilaksanakan ialah Projek Jalan Luar Bandar, Projek Jalan Dua Hala, Projek Jambatan, Projek Bekalan Air Luar Bandar dan Projek-projek Kecil Luar Bandar. Sehingga 31 Disember 2011, perbelanjaan keseluruhan projek adalah berjumlah RM999,601,553.00 (99.96%).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 20 MEI 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci status permohonan peruntukan sebanyak RM1.8 juta yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sembilan kepada pihak Kementerian untuk tebatan banjir di Taman Bukit Emas, Seremban, Negeri Sembilan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah menerima permohonan bagi menaik taraf longkang di Bukit Emas, Jalan Tampin daripada Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dengan kos berjumlah RM1.76 juta melalui surat No Rujukan bil. 73 dlm MPSKJ A63 Jd. 19 bertarikh 16 Oktober 2014. Walaubagaimanapun projek menaik taraf longkang ini tidak dapat diperakukan untuk dilaksanakan dalam tahun 2015. Kementerian akan memberi pertimbangan dalam peruntukan tahun 2016.